# JAWATAN KOSONG

| | | |
|---|---|---|
| Jawatan | : | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (*Call Agent* Talian Kasih 15999) |
| Taraf | : | Kontrak |
| Kekosongan | : | Enam Belas (16) |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| Gred Jawatan | : | S29 |
| Lokasi | : | Putrajaya |
| Kelayakan Diperlukan | : | 1) Calon hendaklah memiliki kelayakan berikut :<br><br>i) warganegara Malaysia;<br><br>ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br><br>iii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau<br><br>iv) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau<br><br>v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>2) Syarat Bahasa Melayu<br><br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan |

| | | |
|---|---|---|
| | | 3) Antara tugas dan tanggungjawab *Call Agent* di Talian Kasih KPWKM adalah seperti:<br><br>i) Menjawab pertanyaan dan aduan yang diterima di Pusat Panggilan Talian Kasih 15999;<br>ii) Menyimpan rekod-rekod kes yang dihantar dan maklumbalas yang diterima daripada agensi;<br>iii) Merekod aduan atau kes yang perlu dipanjangkan kepada agensi di bawah KPWKM;<br>iv) Memberi khidmat pra-kaunseling kepada pemanggil sekiranya perlu;dan<br>v) Membantu memberi informasi kepada pertanyaan.<br><br>4) Calon yang memiliki kemahiran berbahasa Mandarin dan Tamil adalah satu kelebihan.<br><br>5) Pesara Kerajaan digalakkan memohon dan pesara yang berpengalaman berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah satu kelebihan. |

**TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :-**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON :-**

i. Permohonan mestilah disertakan dengan *resume* dan salinan dokumen dan sijil yang telah disahkan;
ii. Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga;
iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

iv. Permohonan hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat dan dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat kepada :-

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Unit Pengurusan Perkhidmatan
Aras 34, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
**62100 PUTRAJAYA**
(up : Encik Mohd Alwi Bin Mohd Mustafa)

atau melalui email ke

Email : unitpkbpsm@kpwkm.gov.my

v. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus ke 03-83231125 (Puan Nursyahieda Binti Yusof) atau 03-83231147 (Puan Nor Azlina Binti Othman)

vi. Tarikh tutup iklan pada : 13 Mac 2019 (Jumaat)